

STRUKTUR ISIRUMAH DAN KEMISKINAN DI KUALA LUMPUR: SATU ANALISA SOSIO-DEMOGRAFI

Chee Kim Loy

[The demography of families and households has received little attention from social demographers in the past but in recent years there has been keen research interest in this area. Very few empirical research work has been done in Malaysia and may be due to both lack of theoretical interest as well as nonavailability of data. The present paper utilizes existing data in the Kuala Lumpur metropolitan area with two research objectives. Firstly, it describes and analyses some aspects of the living arrangements of this urban population. Secondly, it demonstrates the inter-relationships between household structure, ethnicity and measurement of poverty.]

Kajian demografi keluarga dan isirumah telah menerima sedikit perhatian sahaja daripada ahli-ahli demografi sosial pada masa lampau tetapi dalam tahun-tahun kebelakangan ini terdapat minat yang lebih meningkat terhadap penyelidikan dalam bidang ini. Hanya sedikit sahaja kajian-kajian empiris dilakukan di Malaysia dan ini mungkin disebabkan oleh kurangnya minat dari segi teori dan juga kerana tidak terdapatnya data-data. Kertas kerja ini menggunakan data yang terdapat di daerah metropolitan Kuala Lumpur dengan dua matlamat penyelidikan. Pertama, ia menerangkan dan menganalisis beberapa aspek peraturan kediaman bagi penduduk bandar ini. Kedua, ia menunjukkan perhubungan di antara struktur isirumah, etnisiti dan pengukuran kemiskinan.]

Pengenalan

Kajian demografi kerap melihat komposisi kependudukan dalam bentuk ciri-ciri individu seperti jantina, umur, tenaga kerja, taraf dan sebagainya tetapi ini adalah satu cara yang tidak lengkap dan abstrak untuk melihat kependudukan. Lagi pun, kebanyakan aktiviti-aktiviti manusia melibatkan penyertaan berkumpulan atau berkelompok dan kelompok manusia yang sangat penting adalah keluarga atau isirumah. Jadi, malangnya kebanyakan bahan-bahan demografi ditumpukan ke atas kajian individu-individu manakala kajian unit-unit yang besar seperti kelompok telah diabaikan. Sebagai hasilnya, demografi isirumah dan keluarga adalah satu daripada bidang kecil demografi yang kurang dikodifikasi. Teks-teks asas dan kompedia amnya tidak termasuk bab-bab asing tentang topik itu (U.N., 1973; Burch, 1979).

Pengabaian oleh ahli-ahli demografi tentang struktur keluarga dan isirumah adalah kesal sekali kerana yang diimplikasikan dalam teori transisi demografi adalah teori transisi isirumah atau keluarga. Penjelasan yang klasik ialah di bawah kesan perubahan-perubahan teknologi dan sosial yang cepat, sesebuah keluarga telah melalui satu proses dan pengkhususan

untuk memenuhi kehendak-kehendak industrialisasi yang baru. Ini diikuti oleh perubahan-perubahan struktur dalam keluarga (Taeuber, 1971; Freedman, 1961). Dalam tahun-tahun kebelakangan, teori-teori klasik ini telah dicabar oleh ahli-ahli sosiologi keluarga dan ahli demografi sosial atas dasar empiris dan teori. Hasilnya, pembentukan semula beberapa aspek yang penting tentang teori-teori ini telah dibuat. Khususnya, peranan tersendiri faktor-faktor ideologi dan kebudayaan (Freedman, 1979) dan pentingnya perhubungan-perhubungan antara ahli keluarga (Caldwall, 1976, 1978) telah mula menerima lebih perhatian yang penting. Perspektif teori Cadwell adalah satu usaha untuk mengabungkan transisi demografi dan keluarga dari masyarakat-masyarakat barat dengan masyarakat-masyarakat dunia ketiga yang sedang membangun.

Lagi pun, memandangkan sejumlah besar penulisan sosiologi dan antropologi yang menganggap keluarga sebagai institusi pusat dalam masyarakat, adalah agak menghairankan kerana hanya sedikit sahaja kerja-kerja empiris yang telah dilakukan oleh ahli-ahli demografi sosial yang menggunakan sesebuah keluarga atau isirumah sebagai unit analisa. Dalam hal ini, adalah menarik untuk memerhatikan yang ahli-ahli ekonomi sering menganggap sesebuah keluarga atau isirumah sebagai unit pembuat keputusan ekonomi yang bermakna dari segi penggunaan dan pengeluaran (Morgan, 1974, Kuznets, 1976, 1978). Dalam sebuah kajian baru-baru ini oleh Kuznets tentang saiz dan struktur umur keluarga dan impikasi faktor-faktor tersebut untuk perbandingan antara kumpulan di tahap antarabangsa mengenai ketidaksamaan saiz penyebaran pendapatan, beliau membuat kenyataan-kenyataan kesimpulan yang berikut:—

“The basic thread of discussion and analysis, only initiated by the data on size and size-structure of the family households as conventionally defined in the available statistics, is that the significance of the household as the economic decision and recipient unit is greatly conditioned by different and changing social patterns. The relevant patterns are not only the ones that govern fertility and presence of children, but also those that determine jointness or apartness of adults and the strength of family ties among separate households (Kuznets, 1978: 222).

Walau bagaimanapun dalam beberapa tahun kebelakangan ini, terdapat sejumlah kajian oleh ahli-ahli sosiologi dan ahli-ahli demografi sejarah tentang struktur dan dinamika sosial isirumah dan keluarga (Berkner, 1973; Hareven, 1977; Laslett, 1972). Beberapa daripada sebab-sebab bertambahnya minat dalam analisa kuantitatif ke atas isirumah dan keluarga ialah:—

1. Meningkatkan kedapatan data-data yang membolehkan ciri-ciri

isirumah dan keluarga dibentuk dengan menggunakan teknik komputer moden; dan,

2. Berkembangnya penumpuan teori ke atas isirumah sebagai satu unit pembuat keputusan yang penting dalam banyak aspek tingkahlaku secara demografi.

Di Malaysia, hanya satu kajian empiris yang besar tentang struktur keluarga dan data tersebut datang daripada sampel kebangsaan yang dijalankan pada tahun 1966 (Palmore et. al, 1970). Dalam kajian ini, unit analisa adalah golongan wanita berkahwin yang berumur 15 hingga 44 tahun dan seterusnya bermakna sampel keluarga berkenaan tidak mewakili jumlah isirumah yang terdapat di Malaysia. Walau bagaimanapun, beberapa hasil penting diperolehi terutamanya perbezaan etnik yang ketara sekali dari segi bilangan keluarga '*extended*'.

Sementara tidak ada banyak kajian empiris dalam bidang penyelidikan ini, pada masa yang sama terdapat satu keperluan yang mendesak di Malaysia terhadap maklumat yang lebih mendalam dalam bidang ini demi untuk perancangan di peringkat kebangsaan (dan tempatan) dan juga untuk membuat keputusan dasar di pihak berkuasa awam. Ini adalah agak khusus dalam perancangan sosio-ekonomi seperti dalam penilaian keperluan dan permintaan perumahan untuk bandar-bandar yang kian berkembang dan dalam pengawasan kemiskinan dan ketidaksaan pendapatan di antara kumpulan etnik dan wilayah.

Dalam tahun-tahun kebelakangan ini terdapat beberapa data yang berguna untuk kajian empiris mengenai beberapa aspek tentang demografi isirumah dan keluarga Malaysia. Kertas kerja ini ialah satu kajian permulaan tentang perhubungan empiris di antara kemiskinan, isirumah, etnisiti dengan beberapa aspek struktur isirumah seperti saiz isirumah, komposisi dan organisasi keluarga. Tujuannya bukan untuk menunjukkan kaitan konsep 'isirumah' sebagai konstruk teori. Tujuan utama kertas kerja ini adalah untuk menunjukkan implikasi saiz isirumah dan komposisi dengan menggunakan pengukuran kemiskinan yang betul serta, implikasi perubahan sekular dalam organisasi famili dalam konteks perbezaan etnik dan kemiskinan.

Sumber-sumber Data

Data-data kajian ini datang daripada dua sumber. Sumber yang pertama dan utama ialah daripada banci di Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur (DBKL) yang telah dijalankan pada 1979 sebagai sebahagian daripada satu projek besar untuk mengumpul data bagi suatu Pelan Induk untuk

bandar tersebut. Sumber yang kedua adalah daripada Tape Sampel Dua Peratus daripada Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 1970. Sampel isirumah untuk banci DBKL didapati daripada pemilihan rambang dua tahap dengan penggunaan sampel. Sejumlah 18,400 isirumah dipilih untuk temuduga tetapi saiz sampel yang digunakan untuk kajian ini ialah 6,986 isirumah. Saiz sampel yang efektif daripada Banci 1970 ialah 2,410 isirumah untuk kawasan kajian.

Bentuk Isirumah

Rekod-rekod data daripada sumber data yang asal adalah tidak sesuai secara langsung bagi analisa kita. Kita memerlukan maklumat tentang keperluan isirumah dan ciri-ciri isirumah kerana unit-unit analisa kita adalah isirumah. Ciri-ciri komposisi isirumah mesti diambil daripada rekod individu. Satu tahap perantaraan diperlukan untuk menyama dan menyambungkan rekod-rekod untuk membentuk fail-fail isirumah yang digunakan dalam analisa ini.

Angkubah-angkubah asas yang berikut daripada fail-fail isirumah ini dipilih untuk penganalisan dalam kajian ini. Setengah angkubah tidak boleh dijumpai dalam kedua-dua fail dan ini ditunjukkan dengan tanda (X). Angkubah-angkubah yang bergantung, iaitu jenis isirumah keluarga dan taraf kemiskinan perlu dibentuk daripada sebahagian dari angkubah-angkubah asas ini yang akan dijelaskan dengan lebih terperinci dalam bahagian seterusnya.

Angkubah-angkubah	Sumber-sumber	
	TPPH (1970)	DBKL (1979)
Ciri-ciri Komposisi Isirumah		
1. Bilangan abang/kakak	/	/
2. Bilangan ibubapa/datuk-nenek	/	/
3. Bilangan anak-anak yang telah berkahwin	x	/
4. Bilangan anak-anak belum berkahwin	/	/
5. Bilangan saudara	/	/
6. Bilangan pasangan-pasangan berkahwin	/	

7. Saiz isirumah	/	/
8. Saiz keluarga ketua isirumah	/	/
9. Bilangan orang kurang dari umur 15 tahun	/	/
10. Perhubungan keluarga sekunder dengan keluarga utama	x	/
11. Jangkamasa generasi	x	/

Klasifikasi Sebuah Keluarga Isirumah

Dalam banci DBKL (1979), perhubungan saudara di antara tiap anggota isirumah ditanya dengan disusur-galurkan mengikut kepada ketua isirumah. Hasilnya, jenis dan jumlah saudara seperti itu dalam sebuah isirumah ditentukan sepenuhnya. Walau bagaimanapun dalam Banci 1970, walaupun ia direka untuk mendapat maklumat tentang struktur keluarga dan isirumah, beberapa perhubungan saudara yang penting tidak ditanya. Hasilnya, kita tidak boleh membentuk satu jenis keluarga isirumah daripada sampel TPPH (1970) yang boleh dibandingkan sepenuhnya dengan sampel DBKL (1979).

Untuk sampel DBKL (1979) empat jenis isirumah adalah isirumah tidak bersaudara, isirumah keluarga asas ('nuclear'), isirumah 'stem-family' dan isirumah keluarga luar ('extended'). Definisi-definisinya adalah seperti berikut:—

Jenis	Definisi
1. Orang-orang yang tidak ada persaudaraan/Isirumah tanpa keluarga.	Ketua isirumah yang tidak mempunyai ahli-ahli keluarga tetapi mungkin terdapat orang-orang yang tidak bersaudara.
2. Keluarga nuklear	Ketua isirumah yang berkahwin yang mempunyai isteri atau anak-anak, atau kedua-dua; atau ketua yang tidak berkahwin yang mempunyai ibu, bapa atau kedua-duanya dan/atau abang-abang/kakak-kakak yang belum berkahwin.

3. Keluarga 'Stem'

Ketua isirumah yang mempunyai anak yang telah berkahwin dan/atau cucu-cucu; atau ketua yang berkahwin (dengan/tanpa anak-anak) dan ibu-bapa.

4. Isirumah Keluarga Luar ('Extended')

Ketua isirumah yang mempunyai lebih daripada satu anak yang berkahwin dan yang mempunyai saudara atau, seorang ketua dan lain-lain saudaranya yang berkahwin.

Struktur Isirumah dan Komposisi Isirumah

Perbezaan etnik dalam pembahagian isirumah dan ciri-ciri komposisi yang lain adalah agak ketara. Pembahagian saiz isirumah adalah agak berbeza di antara ketiga-tiga kumpulan etnik (lihat Panel A, Jadual 1). Hampir seperempat isirumah Melayu adalah isirumah kecil (iaitu kurang daripada empat orang) dan lebih kurang pembahagian yang sama bagi isirumah besar (iaitu lebih daripada enam orang). Di samping itu, hampir satu dalam enam isirumah Cina adalah kecil dan lebih daripada sepertiga daripadanya adalah besar. Manakala, pembahagian isirumah India melalui saiz isirumah adalah lebih dekat kepada bentuk Cina dan lebih kurang pertengahan di antara kedua kumpulan etnik tersebut:

Perbezaan etnik dalam pembahagian saiz isirumah ini digambarkan dalam pukulrata saiz isirumah yang berbeza di antara kumpulan-kumpulan etnik. Isirumah Cina mempunyai pukulrata seorang lebih daripada isirumah Melayu (lihat Panel B, Jadual 1). Walau bagaimanapun terdapat juga perbezaan komposisi selain daripada saiz isirumah. Dalam dekomposisi pukulrata saiz isirumah kepada bilangan purata orang (tua dan muda) yang bergantung dan orang dewasa yang tidak bergantung, terdapat juga perbezaan etnik yang penting. Khususnya perbezaan dalam saiz isirumah secara pukulrata di antara kumpulan-kumpulan etnik adalah sebahagian besarnya ketara kerana terdapat kecenderungan di mana lebih orang dewasa wujud dalam isirumah bukan Melayu daripada isirumah Melayu. Oleh kerana perbezaan dalam bilangan purata bagi golongan muda yang bergantung di antara kumpulan-kumpulan etnik tidak kelihatan, hasil di atas mencadangkan yang pada asasnya peraturan tempat tinggal dan bukan perbezaan kesuburan yang mungkin menjadi sumber utama perbezaan yang telah diperhatikan.

Oleh kerana peraturan tempat tinggal adalah faktor yang penting dalam menentukan saiz isirumah, perhubungan di antara aspek-aspek

Jadual 1 Pembahagian Isirumah melalui saiz Isirumah dan Ringkasan Pengukuran Komposisi Isirumah melalui Golongan Etnik, Kuala Lumpur (1979).

Ciri-ciri Isirumah		Golongan Etnik			
		Melayu	Cina	India	Jumlah
		(2,489)	(3,525)	(653)	(6,968)
A.	Saiz Isirumah	%	%	%	%
	1-3	24.1	16.3	18.9	19.5
	4-6	49.9	46.4	46.7	47.7
	≥ 7	26.0	37.3	34.4	32.8
	Semua Siaz	100.0	100.0	100.0	100.0
B.	Pengukuran Komposisi Isirumah				
	Purata saiz isirumah	5.27	6.18	5.86	5.81
	Bilangan purata golongan tanggungan yang muda ^a	1.90	2.10	2.00	2.02
	Bilangan purata golongan tanggungan yang tua ^b	0.18	0.56	0.46	0.40
	Bilangan purata golongan yang tidak bergantung	3.19	3.52	3.40	3.39

Sumber: Banci Sosio-Ekonomi, DBKL-PPD (1979)

^aSeorang muda yang bergantung berumur kurang daripada 15 tahun.

^bSeorang tua yang bergantung berumur lebih daripada 54 tahun.

struktur isirumah, komposisi isirumah dan etnisiti perlu diselidiki. Dua aspek struktur isirumah yang berkaitan — jenis keluarga yang koresiden dan jangkamasa generasi keluarga, dibincang dalam bahagian ini. Pembahagian aspek-aspek struktur isirumah ini dirujukkan dalam Jadual 2.

Hampir 37 peratus daripada isirumah ini adalah sama ada isirumah keluarga 'stem' atau 'extended' dan hampir 58 peratus daripadanya, adalah isirumah keluarga nuklear. Lagi pun, hampir 19 peratus daripada isirumah ini mempunyai lebih daripada tiga generasi yang tinggal bersama. Telah ditunjukkan bahawa sesuatu kajian 'cross-sectional' kerap membuat jangkaan yang lebih rendah tentang perluasan sebenar dari segi kelaziman dalam keluarga-keluarga bukan nuklear (Freedman et. al, 1978).

Terdapat kepelbagaian yang ketara dalam pembahagian ciri-ciri struktur isirumah ini di antara kumpulan-kumpulan etnik. Isirumah Cina

dan India mempunyai pembahagian yang sama dan mereka berlainan dengan isirumah Melayu dalam dua aspek besar. Pertama, isirumah bukan Melayu adalah kurang bersifat nuklear dan mempunyai peratus bentuk keluarga 'extended' yang lebih besar daripada isirumah Melayu. Kedua, terdapat perbezaan yang besar dalam pembahagian keluarga yang mempunyai tiga (atau lebih) generasi di antara isirumah Melayu dan bukan Melayu.

Jadual 2 Pembahagian Bentuk Keluarga Isirumah dan Jangkamasa Generasi melalui Golongan Etnik.

Angkubah	Golongan Etnik			
	Jumlah (6,986)	Melayu (2,498)	Cina (3,525)	India (935)
A. Bentuk Isirumah	%	%	%	%
Nuklear	58.0	60.7	56.3	57.3
Stem	28.6	27.9	28.9	29.3
Extended	8.0	3.6	10.9	9.1
Tanpa-Keluarga	5.4	7.8	3.9	4.3
Jumlah Bentuk	100.0	100.0	100.0	100.0
Semua Siaz	100.0	100.0	100.0	100.0
B. Jangkamasa Generasi	%	%	%	%
1	14.3	19.3	11.3	12.2
2	66.9	71.1	64.0	66.7
≥3	18.8	9.6	24.7	21.2
Semua Jangkamasa	100.0	100.0	100.0	100.0

Sumber: Banci Sosio Ekonomi, DBKI-PPD (1979)

Perbezaan etnik dalam struktur isirumah dan dalam ciri-ciri komposisi isirumah seperti yang tersebut di atas adalah aspek-aspek yang berkaitan daripada pewujudan yang sama seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 3. Dalam jadual ini, dua ciri utama adalah nyata. Pertama, terdapat beberapa variasi dalam saiz isirumah keluarga 'extended' adalah dua kali lebih besar daripada isirumah keluarga nuklear, dan purata saiz isirumah bertambah dengan jangkamasa generasi keluarga koresiden. Perbezaan etnik dalam saiz purata isirumah adalah jelas bagi isirumah-isirumah yang mempunyai lebih daripada dua generasi.

Ciri yang kedua ialah nisbah pergantungan umur secara keseluruhan

Jadual 3 Saiz Purata Isirumah dan Nisbah Pergantungan Umur Melalui Bentuk Isirumah Keluarga dan Jangkamasa Generasi Melalui Golongan Etnik, Kuala Lumpur (1979)

	Saiz Purata Isirumah			Nisbah Pergantungan Umur		
	Melayu	Cina	India	Melayu	Cina	India
Struktur Isirumah						
A. Bentuk Isirumah						
Nuklear	5.0	5.4	5.2	0.41	0.47	0.41
Stem	5.9	6.8	6.7	0.35	0.46	0.42
Extended	9.4	10.1	8.9	0.35	0.57	0.46
Tanpa Keluarga	3.5	2.0	2.0	0.02	0.21	0.34
Semua Bentuk	5.3	6.2	5.9	0.37	0.47	0.41
B. Jangkamasa General						
1	3.2	3.0	2.8	0.03	0.21	0.22
2	5.6	5.9	5.7	0.44	0.47	0.42
3	7.2	8.4	8.0	0.46	0.56	0.50
Semua Bentuk	5.3	6.2	5.9	0.37	0.47	0.41

Sumber: Banci Sosial Ekonomi DBKL-PPD (1979)

*Nisbah ini didefinisikan sebagai, "(Bilangan Golongan Bergantung Yang Muda dan Tua)/(Saiz Isirumah)".

adalah lebih besar bagi isirumah keluarga 'extended' daripada isirumah keluarga nuklear dan ini meningkat dengan jangkamasa generasi. Jadi, sebuah isirumah keluarga bukan nuklear bukan hanya mungkin besar dari segi saiz daripada sebuah keluarga nuklear tetapi kemungkinan ianya mempunyai lebih jumlah golongan yang bergantung.

Sebagai ringkasan, kita telah menentukan bahawa terdapat beberapa variasi dalam ciri-ciri komposisi isirumah dan struktur isirumah di antara golongan etnik dalam daerah metropolitan di Malaysia ini. Variasi ini walau bagaimanapun mungkin menggambarkan pengaruh beberapa faktor kebudayaan atau struktur sosial. Pertama, kajian antropologi telah menunjukkan bahawa kebanyakan organisasi Melayu yang berdasarkan saudara dan kelompok bersaudara, termasuk keluarga koresiden, dibentuk secara dua hala — iaitu, melalui keturunan taraf dan harta, mungkin melalui garis jalur lelaki atau perempuan (Djamour, 1965; Kuchiba et. al, 1979).

Ini adalah agak berbeza bagi kumpulan saudara India dan Cina yang lebih menggalakkan organisasi mengikut prinsip patrilineal dan patrilokaliti (Jain, 1970, Palmore et. al. 1970).

Kedua, stratifikasi etnik adalah satu aspek masyarakat Malaysia yang nyata. Struktur pekerjaan masyarakat Malaysia masih menggambarkan dualisme ekonomi yang mencirikan pembangunan ekonomi ala kolonial dan sifat pergantungan perkembangan ekonomi semasa ke atas industrialisme barat. Ketiga, variasi yang diperhatikan di atas dan perbezaan etnik mungkin tidak nyata betul-betul dari segi ianya mungkin terbit daripada perbezaan komposisi dalam beberapa angkubah tepat seperti umur, penghijrahan dan taraf kerja yang berkaitan dengan keluarga isirumah.

Aliran Sekular dan Nukleariti Isirumah: 1970-1979.

Untuk memberi satu penjelasan yang lebih jelas bagi hasil empirik di atas, satu strategi analisa yang berlainan diperlukan. Tetapi, pertama sekali, kita akan meneliti kelaziman isirumah keluarga nuklear semasa dekad 1970-1979 untuk kategori-sosial dan ciri-ciri demografi yang berlainan (Jadual 4).

Kadar isirumah keluarga nuklear meningkat daripada 47 peratus kepada hampir 58 peratus dalam dekad tersebut. Ini adalah lebih kurang peningkatan tahunan sebanyak 1 peratus setahun. Besarnya dan kadar tambahan ini adalah hampir sama dengan yang telah dipastikan bagi isirumah orang-orang Taiwan dalam satu jangka masa sebandingan (Freedman et.al., 1978). Hampir 46 peratus isirumah bukan Melayu dan hampir 50

Jadual 4

Pembahagian Peratusan Angkubah-angkubah Penjelasan dan Peratusan Isirumah
Bekeluarga Nuklear, K.L:

Angkubah Penjelasan	1970		1979	
	Pembahagian	Peratus Nuklear	Pembahagian	Peratus Nuklear
	(N = 2,410)	(%)	(N = 6,986)	(%)
Jumlah Sampel	100.0%	47.2	100.0%	58.0
Golongan Etnik				
Melayu	27.2	50.1	35.8	60.7
Cina	55.7	46.1	50.6	56.3
India	17.1	46.7	13.6	57.3
	100.0%		100.0%	
Pesekolahan				
Rendah	66.4	51.9	50.6	59.5
Menengah	33.6	38.1	49.4	56.4
	100.0%		100.0%	
Umur Ketua				
Muda	40.0	40.5	32.0	52.9
Pertengahan	42.2	54.7	49.0	64.0
Tua	17.8	45.0	19.0	51.1
	100.0%		100.0%	
Taraf Penghijrahan				
Penghijrahan	45.2	42.8	23.0	54.5
Tempatan	54.8	50.9	77.0	59.1
	100.0%		100.0%	
Taraf Kerja				
Tidak bekerja/Tidak dinyatakan	19.2	44.8	20.7	51.9
Keluarga	19.0	40.2	17.9	59.4
Tanpa Keluarga	61.8	50.0	61.4	59.7

peratus isirumah Melayu adalah keluarga nuklear dalam 1970. Dalam 1979, ketiga-tiga golongan etnik telah meningkat dengan kadar yang agak sama (hampir 20 peratus). Hasilnya, perbezaan etnik yang diperhatikan itu tinggal tanpa perubahan dalam dekad tersebut. Semua kategori isirumah mengalami peningkatan dalam keluarga nuklear, tetapi peningkatan yang

terbesar diperhatikan bagi isirumah yang diketuai oleh orang yang mempunyai sekurang-kurangnya taraf pelajaran sekolah menengah atau yang mempunyai kaitan dengan kerja berasaskan keluarga.

Walaupun bagaimanapun kita tidak boleh membuat terlalu banyak penjelasan dari keputusan di atas tentang tren yang diperhatikan kerana bidang kajian adalah jumlah penduduk 'terbuka' dan ciri-ciri komposisi jumlah penduduk tersebut mungkin berubah disebabkan penghijrahan sejak 10 tahun lalu. Untuk menyiasat komponen-komponen tren sekular ini dalam nukleariti (dan keputusan empirikal yang lalu), dan juga untuk membuat kesimpulan tentang proses-proses sosial yang mempunyai kaitan dengan tren ini, satu analisa multivariate diperlukan.

Hasil kajian bentuk analisa multivariate ini ditunjukkan dalam jadual 5, di mana satu analisa berasingan dilakukan untuk tahun 1970 dan untuk tahun 1979, dan juga untuk sedata-gabungan kedua-dua tahun tersebut.

Jadual 5 "Estimated Gross and Net Effects" bagi Semua Angkubah-angkubah Penjelasan Tentang Nukleariti Bagi Tahun 1970 dan 1979, Kuala Lumpur

Angkubah-Angkubah Yang Dijelaskan	1970		1979		Gabungan	
	Gross	Net	Gross	Net	Gross	Net
	(1)	(2)	(3)	(4)	(5)	(6)
Golongan Etnik						
Melayu	—	—	—	—	—	—
Cina	-0.15	-0.20	-0.18	-0.26	-0.20	-0.24
India	-0.15	-0.24	-0.13	-0.17	-0.20	-0.20
Persekolahan						
Rendah	—	—	—	—	—	—
Menengah	-0.58	-0.54	-0.13	-0.12	-0.18	-0.22
Umur						
Muda	—	—	—	—	—	—
Pertengahan	0.56	0.47	0.46	0.44	0.51	0.44
Tua	0.17	0.19	-0.08	0.02	0.00	0.05
Taraf Migrasi						
Penghijrah	—	—	—	—	—	—
Tempatan	0.31	0.25	0.19	0.14	0.31	0.18
Taraf Kerja						
Tidak bekerja	—	—	—	—	—	—
Keluarga	-0.15	-0.14	0.29	0.18	0.16	0.10
Makan Gaji	0.24	0.38	0.30	0.19	0.28	0.25
Tahun Banci						
1970	—	—	—	—	—	—
1979	—	—	—	—	0.44	0.40
"R"		0.42		0.48		0.48

Analisa ini menggunakan 'logit Model' di mana *'the dependent variable is the log-odds that a household is a nuclear family'*.

Hasil keputusan empirikal ini mengesahkan yang perbezaan etnik dalam bentuk nukleariti isirumah bukan suatu akibat dari perbezaan komposisi bagi angkubah-angkubah isirumah yang terpilih tersebut. Ianya mengesahkan lagi yang sekurang-kurangnya merujuk kepada aspek struktur isirumah ini, perbezaan etnik adalah pada dasarnya di antara isirumah Melayu dan bukan Melayu. Bagi isirumah Cina dan India perbezaan isirumah adalah tidak beberapa ketara. Satu pemerhatian lanjut ialah jangkamasa perubahan dalam nukleariti isirumah ditunjukkan dengan jelas. Ianya mengimplicasikan yang dalam abad tersebut terdapat proses-proses sosial yang mempunyai kesan ke atas struktur isirumah secara bebas daripada proses-proses yang mempunyai kaitan dengan angkubah-angkubah dalam analisa tersebut. Ini juga menunjukkan tidak cukupnya data yang terdapat serta sedikitnya teori-teori yang boleh diuji bagi analisa empirik seperti ini.

Analisa di atas juga menunjukkan yang corak edaran hidup keluarga atau edaran perkembangan isirumah mungkin digambarkan dari bentuk curvilinear tentang kesan umur ke atas nukleariti, di mana isirumah-isirumah yang diketuai mereka yang separuh umur lebih cenderung ke arah isirumah keluarga nuklear daripada isirumah yang diketuai oleh mereka di kategori umur yang lain. Isirumah tempatan kerap bercorak isirumah keluarga nuklear daripada isirumah penghijrah-penghijrah. Ini mungkin menunjukkan yang kumpulan penghijrah lebih cenderung untuk memilih bentuk kediaman yang bertukar-tukar dalam proses penyesuaian mereka di kawasan bandar.

Struktur Isirumah dan Kemiskinan

Dalam bahagian akhir kerja ini, satu usaha telah dilakukan untuk mengaitkan saiz isirumah, komposisi dan bentuk keluarga koresiden dengan isu penting tentang pengukuran kemiskinan yang lengkap dalam masyarakat Malaysia masakini. Ini adalah penting kerana implikasinya ke atas perancangan yang strategik dan pembentukan polisi-polisi kerajaan.

Terdapat tiga pengukuran pendapatan yang boleh kita gunakan untuk menunjukkan sama ada sesebuah isirumah adalah miskin atau tidak, iaitu pendapatan isirumah, perkapita pendapatan dan nisbah 'pendapatan/keperluan' (atau nisbah kebajikan). Secara amnya, ketiga-tiga pendekatan yang berlainan dalam pembentukan garis kemiskinan adalah agak subjektif tetapi ianya didefinisikan dalam bentuk yang sama. Pengukuran pendapatan isirumah menepikan sepenuhnya ciri-ciri

demografi yang penting seperti saiz dan komposisi, sementara pengukuran pendapatan perkapita hanya mengambil kira saiz isirumah. Nisbah kebajikan mengambil kira kedua-dua faktor ini (Jadual 6).

Jadual 6 Kesan Dan Kesan Relatif Kemiskinan Melalui Bentuk Isirumah Keluarga, Kuala Lumpur (1979).

	% Kemiskinan (Jenis) ^a	% Kemiskinan (Jumlah) ^b	% Jumlah Isirumah	Kesan Relatif ^c
	(1)	(2)	(3)	(4)
A. Pendapatan Isirumah				
Nuklear	25.4	69.6	58.0	1.20
Stem	13.3	17.9	28.6	0.63
Extended	7.8	3.0	8.0	0.38
Tanpa Keluarga	38.1	9.5	5.3	1.79
Semua Bentuk	21.2	100.0	100.0	1.00
B. Pendapatan Isirumah Per Kapita				
Nuklear	24.2	65.0	58.0	1.12
Stem	19.2	25.6	28.5	0.90
Extended	19.8	7.3	8.0	0.91
Tanpa Keluarga	8.4	2.1	5.3	0.40
Semua Bentuk	21.6	100.0	100.0	1.00
C. Nisbah Kebajikan				
Nuklear	20.0	66.5	58.0	1.15
Stem	13.9	22.7	28.6	0.79
Extended	11.2	5.2	8.0	0.65
Non-Family	18.4	5.6	5.4	1.06
Semua Bentuk	17.5	100.0	100.0	1.00

Sumber: Banci Sosio Ekonomi DBKL-PPD (1979)

^aIni adalah peratus kemiskinan di dalam setiap bentuk isirumah.

^bIni adalah peratus kemiskinan jumlah isirumah dalam kemiskinan.

^c(4) = (2) ÷ (3).

Berikutnya dikaji implikasi menggunakan ketiga-tiga ukuran kemiskinan ini dengan menunjukkan kesan dan 'kesan yang relatif' kemiskinan bagi kategori bentuk keluarga koresiden yang berbeza. Dengan 'kesan yang relatif' dalam tiap kategori, bermakna nisbah bahagian peratusan isirumah yang miskin kepada bahagian peratusan jumlah isirumah bagi kategori ini. Dengan menggunakan kriteria pendapatan isirumah, kesan kemiskinan yang dianggarkan bagi kawasan Kuala Lumpur adalah lebih kurang 21 peratus dan anggaran ini adalah hampir sama

dengan seperti yang didapati dengan menggunakan kriteria pendapatan perkapita.

Disebaliknya dengan menggunakan kriteria nisbah kebajikan, kesan kemiskinan adalah lebih sedikit daripada 17 peratus (Jadual 6). Dengan membandingkan kesan kemiskinan bagi kategori yang berlainan dari segi bentuk isirumah, adalah jelas bahawa dengan menggunakan kriteria pendapatan isirumah, kerap berlakunya anggaran yang sangat kurang tentang kesan kemiskinan bagi isirumah keluarga 'extended'. Di sebalik itu pula, penggunaan kriteria isirumah per kapita kerap membuat anggaran yang kurang tentang kesan kemiskinan bagi isirumah tidak berkeluarga.

Jadual 7 Pembahagian Taraf Kemiskinan Melalui Golongan Etnik, Kuala Lumpur (1979)

Taraf Kemiskinan	Melayu	Cina	India	Jumlah
	(2498)	(3530)	(935)	(6881)
Sangat Miskin (S.M)	25.1	8.7	30.0	17.5
Agak Miskin (A.M)	34.3	37.0	31.6	35.3
Tidak Miskin (T.M)	40.6	54.3	38.4	47.2
Semua	100.0	100.0	100.0	100.0

Sumber: Banci Sosio Ekonomi, DBKL-PPD (1979)

Pada mulanya kita telah menunjukkan bahawa etnisiti dikaitkan dengan bentuk isirumah yang berlainan dan khususnya pembahagian isirumah keluarga 'extended' kaum Melayu adalah lebih kecil daripada bukan Melayu. Berdasarkan keputusan di atas tentang kesan kemiskinan, jelaslah bahawa perbezaan etnik dalam bentuk kemiskinan bergantung kepada penggunaan kriteria pendapatan. Secara keseluruhan, pengukuran yang baik untuk digunakan adalah nisbah kebajikan, kerana ianya bebas daripada pengaruh dari segi saiz dan komposisi. Pembahagian etnik dari kategori-kategori taraf kemiskinan yang berlainan ditunjukkan dalam Jadual 7. Ia menunjukkan kesan kemiskinan yang tinggi di kalangan golongan Melayu dan India. Adalah menarik untuk melihat yang golongan India mempunyai kesan kemiskinan yang paling tinggi di kawasan-kawasan metropolitan Kuala Lumpur.

Pembahagian isirumah melalui taraf kemiskinan ditunjukkan dalam Jadual 8, bagi ketiga-tiga golongan etnik. Kebanyakan daripada isirumah yang sangat miskin didapati di kalangan keluarga nuklear bagi semua kumpulan etnik. Ini adalah besar terutamanya di kalangan isirumah Melayu di mana hampir 3/4 daripada kesemua isirumah yang miskin adalah bentuk keluarga nuklear. Peratus isirumah miskin daripada bentuk keluarga 'ex-

Jadual 8: Pembahagian Bentuk Isirumah Keluarga dan Jangkamasa Melalui Taraf Kemiskinan dan Golongan Etnik Kuala Lumpur (1979)

Angkubah-angkubah		Melayu		
		S.M. ^a (627)	A.M. ^b (858)	T.M. ^c (1,013)
A.	Bentuk Isirumah	%	%	%
	Nuklear	74.3	62.6	50.7
	Stem	19.0	27.5	33.9
	Extended	2.2	3.1	4.7
	Tanpa Keluarga	4.5	6.8	10.7
	Semua jenis	100.0	100.0	100.0
B.	Jangkamasa Generai	%	%	%
	1	10.5	16.9	26.7
	2	81.7	75.2	61.3
	≥ 3	7.8	7.9	12.0
	Semua Jangkamasa	100.0	100.0	100.0
Angkubah-angkubah		Cina		
		S.M. (307)	A.M. (1,307)	T.M.
A.	Bentuk Isirumah	%	%	%
	Nuklear	54.7	60.6	53.7
	Stem	28.0	26.9	30.4
	Extended	7.8	9.9	12.1
	Tanpa Keluarga	9.4	2.6	3.8
	Semua Jenis	100.0	100.0	100.0
B.	Jangkamasa Generasi	%	%	%
	1	15.6	6.6	13.7
	2	58.3	67.8	62.4
	≥ 3	26.1	25.6	23.9
	Semua Jangkamasa	100.0	100.0	100.0
Angkubah-angkubah		India		
		S.M. (286)	A.M. (301)	T.M. (366)
A.	Bentuk Isirumah	%	%	%
	Nuklear	62.2	55.5	54.9
	Stem	25.2	30.6	31.4
	Extended	8.7	9.3	9.3
	Tanpa Keluarga	3.8	4.7	4.4
	Semua Jenis	100.0	100.0	100.0
B.	Jangkamasa Generasi	%	%	%
	1	7.7	11.3	16.4
	2	71.3	66.1	63.7
	≥ 3	21.0	22.6	19.9
	Semua Jangkamasa	100.0	100.0	100.0

Sumber: Sosio Ekonomi Survey, DBKL-PPD (1979)

^{a,b,c.} Simbol-simbol 'SM', 'AM' dan 'TM' adalah kategori Sangat Miskin, Agak Miskin, Tidak Miskin dari segi angkubah taraf kemiskinan.

tended' adalah empat kali lebih di kalangan bukan Melayu daripada golongan Melayu. Perbandingan etnik ini juga telah dilihat bagi isirumah yang miskin, yang mempunyai tiga generasi atau lebih. Pendek kata, komposisi isirumah yang miskin di kalangan kumpulan etnik berbeza dari segi sifat bentuk keluarga koreseiden.

Penutup

Kertas kerja ini ialah kajian empiris tentang beberapa aspek struktur keluarga koresiden dan implikasinya bagi pengukuran kemiskinan yang baik. Adalah penting supaya lebih banyak kajian empirikal dilakukan bukan bagi kepentingan kajian ini saja tetapi untuk sekurang-kurangnya dua sebab yang penting. Pertama, terdapat beberapa bahagian perancangan kerajaan dan dasar awam di mana dinamik perubahan struktur isirumah mempunyai implikasi yang penting bagi pembentukan dasar-dasar dan perancangan-perancangan tersebut yang baik. Dalam konteks masyarakat Malaysia masa kini, dua bidang tersebut adalah mengenai pengukuran serta pengawasan kemiskinan dan dalam menyediakan perumahan yang cukup. Kajian empiris dan teori-teori yang lebih baik diperlukan dalam bidang pembentukan dan transformasi isirumah, di mana corak dan prosesnya mesti difahamkan dengan lebih baik lagi. Kedua, sementara ahli-ahli akademik daripada disiplin dan orientasi yang berlainan terlibat dalam penilaian kritis tentang peranan 'isirumah' sebagai konstruk teori dalam formulasi teori-teori, mesti diingat bahawa satu daripada sebab utama tentang pengabaian 'isirumah' sebagai unit analisa ialah kerana kekurangan data. Dalam keadaan ini, mungkin tidak keterlaluan untuk mencadangkan bahawa adalah sangat berfaedah jika lebih banyak kajian empiris dilakukan supaya pembentukan teori dapat dipercepatkan.

BIBLIOGRAFI

- Berkner, L. 1973, "Recent Research on the History of the Family in Western Europe." *Journal of Marriage and the Family*, 35: 395-405
- Burch, T.K. 1979 "Household and Family Demography: A Bibliography Essay." *Population Index* 46 (2): 173-195
- Caldwell, J.C. 1976, "Towards a Restatement of Demography Transition Theory." *Population and Development Review*, 2:321-366
- Djamour, Judith, 1959, *Malay Kinship and Marriage in Singapore*. London School of Economics Monographs on Social Anthropology, No. 21, London: Athlone Press.
- Freedman, R., B. Moot, T.H. Sun, et. al, 1981, "Household Composition and Extended Kinship in Taiwan." *Population Studies* (London) 32: 65-80.
- Freedman, Ronald, 1979, "Theories of Fertility Decline: a reappraisal." *Social Forces*, 58: 1-17.
- Hareven, Tamara K. 1977, *Family and Kin in Urban Communities, 1900-1930*. New York: New Viewpoints
- Hirschman, C., 1975, *Ethnic and Social Stratification in Peninsular Malaysia*. Rose Monograph Series. Washington, D.C. American Sociological Association.
- Jain, Ravindra, K. 1970, *South Indians on the Plantation Frontier in Malaya*. Southeast Asia Studies No. 5. New Haven: Yale University Press.
- Kuchiba Masuo, 1979 Tsubouchi Yoshihoro and Meeda Narifumi *Three Malay Villages: a Sociological study of Padi Growers in West Malaysia*. Honolulu: University Press of Hawaii.
- Kuznets, S. 1976, "Demographic Aspects of Size Distribution of Income: an Exploratory Essay." *Economic Development and Cultural Change*, 25 (1).
- Laslett, P. and Richard Wall (eds.) 1972, *Household and Family in Past Time*. London: Cambridge University Press.
- Malaysia, 1976, *The Third Malaysia Plan: 1976-1980*. Malaysia: Government Press.
- Orshansky, Mollie, 1965, "Counting the Poor: another look at the peverty profile." *Social Security Bulletin*. 29: 3-29.
- Palmore, J.A., et al. 1970 "Class and Family in a Modernizing Society." *American Journal of Sociology*, 67: 375-398.
- Taeuber, I.B., 1971 "Change and Transition in Family Structaure." in *the Family in Transition*. Fogarty Int. Center Proceedings No. 3. Washington: Government Printing Press.
- United Nations, 1973, *The Determinants and Consequences of Population Trends*. Vol. I New

York: Department of Economic and Social Affairs. United Nations.

Wilson, P.J. 1981, *A Malay Village and Malaysia*. Human Relations Area File, Inc.
New Haven, Connecticut: Hraf Press New Haven.